

23 JUL 2004

Idris-Pemandu

AKADEMI LATIHAN PEMANDU KENDERAAN KOMERSIAL MAMPU LATIH 50,000

BESUT, 23 Julai (Bernama) -- Seramai 50,000 pemandu dijangka dapat dilatih setiap tahun di Akademi Latihan Pemanduan Kenderaan Komersial di Gong Medang dekat sini yang akan dibuka tidak lama lagi, kata Menteri Besar Datuk Seri Idris Jusoh.

Katanya akademi yang akan dibuka oleh Automative Centre of Excellence Sendirian Berhad (ACE) itu berupaya melatih antara 400 dan 500 pemandu seminggu.

"Keistimewaan akademi itu ialah ia mempunyai keluasan litar sepanjang 16km dan mampu melatih 80 pemandu pada satu-satu masa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara pecah tanah akademi berkenaan di kawasan perindustrian Gong Medang hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi ACE Tan Sri Abdul Rahman Omar dan Pengerusi National Academy of Motorsports Datuk Mukhriz Mahathir.

Idris berkata akademi itu yang dijangka siap dalam tempoh lapan hingga sembilan bulan akan memberi peluang pekerjaan kepada 150 penduduk tempatan.

"Saya yakin pembukaan akademi itu secara tidak langsung akan merancakkan lagi sektor pelancongan di Terengganu. Malah akademi itu yang nilai pelaburannya sebanyak RM100 juta akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata fungsi utama pembinaan akademi itu ialah bagi memberi latihan serta pendidikan ke arah melahirkan pemandu kenderaan komersial profesional.

Katanya negara masih kekurangan pemandu kenderaan komersial termasuk pemandu kontena yang berkeelayakan menyebabkan tenaga luar masih digunakan.

"Dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur yang akan menghubungkan ibu negara dan Terengganu, kegiatan kenderaan komersial akan bertambah dan secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan terhadap tenaga pemandu

profesional bagi kenderaan komersial," katanya.

Abdul Rahman berkata ACE juga bercadang membina rangkaian akademi seumpama itu di Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

Sebelum ini, ACE membuka akademinya yang pertama di Sepang, Selangor yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 8 Feb lepas.

-- BERNAMA

ND ERE LAT